

22/08/2003

Jambatan baru boleh atasi pencemaran

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor adalah berasaskan usaha mewujudkan alam sekitar harmoni dengan suasana pemandangan aman damai di laluan Selat Tebrau.

Sehubungan itu, beliau menafikan dakwaan kononnya pembinaan jambatan yang menjadi sebahagian komponen Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) itu mempunyai kepentingan ekonomi.

Perdana Menteri menjelaskan, pembinaan jambatan itu membolehkan laluan air di Selat Tebrau mengalir dengan tenang sekali gus dapat menangani masalah pencemaran dan mutu air yang terjejas teruk di kawasan terbabit.

"Kita mahu bot untuk bersantai juga boleh melalui bawah jambatan baru ini dengan bebas dan lancar, tanpa perlu berpusing jauh seperti mana sekarang," katanya selepas merasmikan Menara Kastam Johor, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis; Ketua Pengarah Kastam, Tan Sri Abdul Halil Abdul Mutalib dan Pengerusi Gerbang Perdana Sdn Bhd (Gerbang Perdana), Tan Sri Razali Ismail.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan permulaan kerja pembinaan jambatan jalan dan jambatan kereta api menerusi projek GSB oleh Gerbang Perdana.

Sempena pelancaran itu, satu sidang video diadakan antara Perdana Menteri dengan Pengurus Besar (Pembinaan) Jabatan Kerja Raya (JKR), Anthon Sebastian dan Pengarah Projek Gerbang Perdana, Rostam Razali di tapak projek GSB di Tambak Johor.

Dr Mahathir sempat bertanya beberapa soalan mengenai perkembangan terkini projek berkenaan, yang jelas menyaksikan beliau mahu projek itu siap dalam tempoh ditetapkan.

Malah, pada sidang video itu, Dr Mahathir secara bergurau bertanya adakah projek terbabit boleh disiapkan Oktober depan (dua bulan lagi) bagi membolehkan beliau merasmikannya lebih awal.

Projek GSB membabitkan kos pembinaan keseluruhan RM2.26 bilion membabitkan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang baru dan jambatan jalan serta jambatan kereta api.

Ia dijadualkan siap sepenuhnya pada Disember 2005 dan dijangka boleh digunakan sebagai laluan menjelang 2006.

Pada majlis itu, 50 anggota Rela turut mengibarkan Jalur Gemilang di atas tongkang yang memuatkan bahan yang digunakan untuk permulaan kerja pembinaan jambatan baru itu.

Bagi mengingati nostalgia Tambak Johor yang dibina pada 1923, seorang penyelam, Gobinathan Ramasamy ditugaskan menyelam sedalam 12 meter dan mengambil dua ketul batu granit yang diguna sebagai bahan pembinaannya.

Batu granit yang diambil di Pulau Tekong dan Pulau Ubin bagi pembinaan Tambak Johor lebih 80 tahun lalu itu, kemudian diserahkan kepada Perdana Menteri untuk disimpan sebagai tatapan sejarah di Putrajaya.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir menegaskan, Malaysia sebenarnya mahu membina satu jambatan lurus, tetapi mereka (Singapura) tidak mahu, sebaliknya mahu membina jambatan itu pada 2007.

"Oleh itu, ia bukan salah kita apabila kita buat pengubahsuaian (terhadap pembinaan jambatan berkenaan). Kalau kita terus gunakan Tambak Johor, air tidak boleh mengalir.

"Kita mahu air mengalir supaya pencemaran air di kawasan terbabit dapat diatasi. Kita boleh lihat apabila penyelam menyelam berhampiran Tambak Johor, airnya kotor.

"Berikutan keadaan itu, saya rasa penyelam terbabit pada mulanya mungkin tidak begitu yakin sama ada dia boleh mendapatkan batu granit (yang diguna untuk membina Tambak Johor pada 1923) itu atau tidak," katanya.